

Ugut keluar parti harus diselesaikan dengan tegas

UM 2 1 MAY 2001

SEREMBAN 20 Mei — Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkata, tindakan mengugut untuk keluar parti oleh mana-mana ahli harus diselesaikan dengan tegas jika tidak ia akan menjadi amalan tingkah laku yang sukar dibendung.

Tambahnya, UMNO bukan sebuah parti yang lemah dan terpaksa tunduk kepada ugutan-ugutan daripada mana-mana ahlinya yang mendapati tuntutan mereka tidak diterima atau diketepikan.

Sehubungan itu beliau meminta ahli-ahli UMNO akur dengan keputusan yang telah dibuat oleh pucuk pimpinan parti bagi memastikan parti dapat terus menjalankan amanah yang telah diberikan oleh majoriti ahli.

“Cubaan merosakkan parti, keluar dari parti dan memvokong pihak lain apabila tidak mendapat kontrak dan menjadi calon dalam pilihan raya merupakan sikap yang tidak boleh diterima oleh UMNO,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas ketegasan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa UMNO tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan keluar parti oleh mana-mana ahlinya yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin kerana amalan politik wang.

Menurut Dr. Mahathir, sekiranya Majlis Tertinggi (MT) tunduk kepada ugutan sedemikian semasa meneliti ravuan mereka esok ia akan dilihat sebagai tidak serius dalam tindakannya.

Sebelum itu, Najib menyampaikan ucapan pada Seminar Isu-Isu Semasa anjuran UMNO Bahagian Rasah yang dihadiri lebih 200 ketua cawangan, ketua-ketua Pemuda cawangan dan Wanita cawangan di sini, hari ini.

Ujarnya, ahli-ahli parti harus meletakkan agenda mengukuhkan parti sebagai tanggungjawab utama dan membuang sikap-sikap yang bukan

sahaja akan merugikan parti tetapi diri sendiri.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, ahli-ahli parti harus memainkan peranan utama menenangkan perkara sebenar bagi menangkis isu-isu semasa di peringkat akar umbi dalam usaha untuk mengukuhkan parti.

Tegas beliau, ahli-ahli parti juga harus meneruskan aktiviti menarik lebih ramai ahli atau orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih dalam tempoh pendaftaran pemilih yang sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“Menarik lebih ramai ahli parti mendaftar sebagai pemilih merupakan perkara penting bagi parti dan ia harus dilaksanakan dengan terancang dan harus dilaksanakan berterusan,” katanya.

Ujar beliau, UMNO sedang mengemas kini data keahlian dan mengesan antara mereka yang masih belum mendaftar sebagai pemilih berdaftar.